

Kes 1MDB

'Najib tak dirujuk dokumen kelulusan pinjaman AS\$975j'

Pembelaan berhujah bukan tandatangan bekas PM pada 5 resolusi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengakui Datuk Seri Najib Razak tidak diberi peluang menjelaskan sama ada beliau menandatangani dokumen berhubung kelulusan pinjaman berjumlah AS\$975 juta.

Kemudahan pinjaman berkeajaan dibuat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada Deutsche Bank Singapore untuk Tawaran Permulaan Awam (IPO) 1MDB Energy Group.

Penguasa Kanan SPRM, Nur Aida Arifin, 37, selaku saksi ke-49 pendakwaan bersetuju dengan cadangan peguam bela, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin, bahawa lima dokumen penting itu tak dirujuk kepada Najib ketika diambil rakaman percakapannya oleh pegawai siasatan.

Saksi turut setuju pegawai siasatan juga tidak beri peluang Najib menjelaskan jika beliau betul-betul menandatangani dokumen itu.

Nur Aida menjelaskan, pihaknya mendapati dokumen itu dibawakan ahli perniagaan dalam

buruan, Low Taek Jho atau Jho Low kepada Najib, berdasarkan rakaman percakapan diambil SPRM daripada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd Hazem Abdul Rahman.

Nur Aida yang menjawab soalan balas Wan Azwan, bagaimanapun tidak bersetuju cadangan peguam bahawa lima dokumen itu tidak ditandatangani Najib.

Tandatangan tak sama

Wan Azwan kemudian menimbulkan persoalan, meskipun dokumen itu boleh menyokong kes pendakwaan, ia tidak pernah dirujuk kepada Najib kerana pegawai penyiasat mengetahui terdapat percanggahan melalui tandatangan bekas Menteri Kewangan itu.

Menurut Wan Azwan, ia tidak



Najib hadir prosiding sambung bicara kes 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

pernah ditunjukkan kepada Najib apabila kenyataannya direkodkan kerana SPRM mengetahui tandatangan itu tidak sama.

Namun, cadangan peguam bela itu tidak dipersetujui saksi.

Dokumen dirujuk peguam berkaitan tuduhan keempat salah guna kuasa dihadapi Najib yang didakwa terima suapan RM44.5 juta dengan luluskan kemudahan pinjaman berangka AS\$975 juta daripada Deutsche Bank.

Dalam prosiding sebelum ini, mahkamah diberitahu 1MDB membuat pinjaman AS\$975 juta daripada Deutsche Bank, namun ia tidak pernah digunakan untuk menebus semula *Aabar Options* (pembelian pilihan yang dijamin

oleh IPIC), ketika proses pembelian penjana tenaga bebas.

Sementara itu, Nur Aida tidak bersetuju dengan cadangan pengurusan 1MDB dibantu beberapa pegawai bank berkomplot menipu Najib dan rakyat Malaysia.

Beliau menolak cadangan bahawa Mohd Hazem dan bekas Ketua Pegawai Kewangan, Azmi Tahir mendalangi perancangan palsu dengan pegawai Bank BSI dan Aabar Investments PJS Ltd untuk menipu Najib bahawa wang pelaburan 1MDB akan dibawa masuk semula ke dalam syarikat pelaburan strategik itu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin ini.